

SEJARAH DAERAH TUARAN, SABAH (1881 – 1963)

NUR SIMA BINTI NURJIMAR

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat-syarat bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian
(Sejarah)
Universiti Malaysia Sabah**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: SEJARAH DAERAH TUARAN, SABAH (1881 - 1963)IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIALSAYA: NUR EIMA BINTI NURZAMAR
(HURUF BESAR)SESI PENGAJIAN: 2009

*mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: PETI SURAT 107,
89208 TUARAN, SABAH

MOSLI TARSAJ
Nama Penyelia

Tarikh: 13/11/09Tarikh: 6/10/09

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017106

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa Latihan Ilmiah ini telah ditulis oleh **Nur Sima binti Nurjimar (HA2006-6306)** yang bertajuk **Sejarah Daerah Tuaran, Sabah, (1881-1986)** dan telah diselia oleh saya sebagai sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan kepujian (Sejarah), Universiti Malaysia Sabah.

Penyelia




MOSLI BIN TARSAT



PENGAKUAN

Karya ini adalah kerja saya sendiri kecuali nukilan, rangkaian dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan : 
Nama : Nur Sima binti Nurjimar
No. Marik : HA2006-6306
Tarikh : 9 Jun 2009



PENGHARGAAN

'Dengan nama Allah Yang Pengasih Lagi Maha Penyayang'. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya Latihan Ilmiah ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Penghargaan khusus kepada Penyelia Latihan Ilmiah saya, En. Mosli bin Tarsat, jutaan terima kasih di atas kesudian dan komitmen untuk menyelia, membantu, dan membimbing dari peringkat awal sehingga selesainya latihan ilmiah ini. Segala usaha yang telah diberikan selama ini sangat berguna kepada saya. Seterusnya kepada pensyarah Program Sejarah iaitu E. Baszley Bee Basrah Bee, En. Saffie Abd Rahim, En. Shaukhi Md. Radzi dan pensyarah-pensyarah Program Sejarah yang lain. Terima kasih atas teguran, kritikan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan.

Setinggi-tinggi penghormatan dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak yang terlibat khususnya Pejabat Urusetia Daerah Tuaran dan penduduk Daerah Tuaran kerana memberikan kerjasama sepanjang menjalankan penyelidikan. Kerjasama daripada semua pihak yang terlibat amat saya hargai dan menjadi nadi kepada fakta-fakta yang berkaitan dengan latihan ilmiah saya.

Seterusnya kepada ibu bapa dan keluarga yang banyak memberi dorongan, sokongan dan doa restu sepanjang saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya terutamanya Fransisca, Alizah, Maria, Julia, Haryati, Sarini, Awang Amirul, Norshilawati dan lain-lain yang banyak memberikan sokongan, bantuan serta idea yang sangat bernilai.

Akhir kata, semoga Allah merahmati mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini serta segala kerjasama dan bantuan yang diberikan, hanya Allah Yang Esa yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih.

Nur Sima binti Nurjimar
HA2006-6306



ABSTRAK

Kajian ini cuba mengenengahkan sejarah dan perkembangan Tuaran antara tahun 1881 sehingga tahun 1963. Penyelidikan ini tertumpu di Daerah Tuaran yang bersempadan dengan Kota Kinabalu, Ranau dan Kota Belud. Kajian ini cuba mengupas latar belakang daerah bermula dari Pemerintahan Kesultanan Brunei, Pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara, Pendudukan Jepun, Pemerintahan Koloni British sehingga penyertaan Sabah dalam pembentukan Malaysia. Tranformasi pemerintahan yang berlaku telah mempengaruhi pentadbiran dan sosio-ekonominya. Kajian ini secara tidak langsung akan mejelaskan satu persatu perkembangan sosio-ekonomi yang berlaku di Tuaran. Justeru, kajian ini diharap mampu menjelaskan perkembangan Tuaran sekaligus dapat memberikan pengetahuan dan maklumat berkaitan daerah ini.



ABSTRACT

History of Tuaran, Sabah (1881 – 1963)

These researches particularly expose the history of Tuaran between years 1881 until 1963. This research convergent toward the district of Tuaran which be next to Kota Kinabalu, Ranau, and Kota Belud. This research also attempt to expound the background of this district start from the government og Brunei's Sultanate, administration of North Borneo Chartered Company, Japan's occupation, government of British colonization until par citification of Sabah in the formation of Malaysia. The transformations of governance that occurred has been influent the administration and socio-economic of Tuaran. These research also explains one by one about the socio-economy changes in Tuaran. Therefore, this research hopefully can explain about the development in Tuaran, thus given knowledge and information which is relating to these districts.



SENARAI KANDUNGAN

Perkara	Halaman
PENGESAHAN PENYELIA	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSRTAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI GRAF/CARTA	x
SENARAI GAMBARAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Permasalahan dan Persoalan Kajian	2
1.3. Tujuan Kajian	3
1.4. Objektif kajian	3
1.5. Kepentingan Kajian	4
1.6. Metodologi Kajian	5
1.7. Sorotan Literatur	6
1.8. Skop Kajian	13
1.9. Pembahagian Bab	13
1.10. Kesimpulan	16
 BAB 2: LATAR BELAKANG DAERAH TUARAN	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Latar Belakang Negeri Sabah	18



2.3	Pembukaan Tuaran Sebelum 1881	20
2.4	Asal Usul Nama Tuaran	23
2.5	Kedudukan Geografi Tuaran	26
2.6	Morfologi dan Iklim Daerah Tuaran	29
2.7	Demografi Daerah Tuaran	31
2.8	Kesimpulan	39
BAB 3:	PERKEMBANGAN PENTADBIRAN DAERAH TUARAN	
3.1	Pengenalan	40
3.2	Pentadbiran Awal Daerah Tuaran	41
3.3	Pentadbiran SBBUB di Tuaran, 1880 – 1941	43
3.4	Pendudukan Jepun di Tuaran 1941 – 1945	48
3.5	Pengunduran Tentera Jepun Dari Daerah Tuaran	51
3.6	Pentadbiran Koloni British 1946-1963	52
3.7	Pentadbiran PascaMerdeka	53
3.8	Kesimpulan	58
BAB 4:	PERKEMBANGAN EKONOMI DAERAH TUARAN	
4.1	Pengenalan	59
4.2	Ekonomi Pertanian	60
4.3	Ekonomi Perikanan dan Sumber Laut	66
4.4	Perusahaan Kayu Bakau	70
4.5	Tamu Tuaran	71
4.6	Kesimpulan	75
BAB 5:	PERUBAHAN SOSIAL DAERAH TUARAN	
5.1	Pengenalan	76
5.2	Pendidikan	77
5.3	Kesihatan	82
5.4	Agama dan Kepercayaan	87
5.5	Perhubungan	90
5.6	Kesimpulan	94
BAB 6:	RUMUSAN	95
BIBLIOGRAFI		100
LAMPIRAN		



SENARAI SINGKATAN

En.	-	Encik
Kg.	-	kampung
Hj.	-	Haji
Hjh.	-	Hajah
OKK	-	Orang Kaya Kaya
SBBUB	-	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
SPE	-	Stored Program Control
USIA	-	Pertubuhan Islam Seluruh Malaysia



SENARAI JADUAL

Perkara	Halaman
Jadual 2.1: Populasi Penduduk Tuaran Berdasarkan Etnik untuk Tahun 1960	32
Jadual 2.2: Populasi Penduduk Tuaran Berdasarkan Etnik untuk Tahun 1970	33
Jadual 2.3: Populasi Penduduk Tuaran Berdasarkan Etnik untuk Tahun 1980	34
Jadual 2.4 : Penduduk Bahagian Sulaman	35
Jadual 2.5 : Penduduk Bahagian Tamparuli	36
Jadual 2.4 : Penduduk Bahagian Kiulu	37
Jadual 3.1: Senarai Pegawai Daerah dari tahun 1949 – 1970	53
Jadual 4.1: Taksiran Luas (hektar) Tanaman Terpilih di Sabah	58
Jadual 5.1: Senarai Pembantu Perubatan daerah Tuaran	79
Jadual 5.2: Perkembangan IbuSawat Daerah Tuaran	88
Jadual 5.3: Perkembangan Perkhidmatan Telefon di Daerah Tuaran	88



SENARAI GRAF/CARTA

Perkara	Halaman
Graf 2.1: Statistik Penduduk Daerah Tuaran 2008	38
Carta Aliran 3.1: Jawatan Asas Dalam Pentadbiran Daerah Tuaran	44
Carta Aliran 3.2: Carta Organisasi Pejabat Urusetia Tuaran	54
Carta Pai 2.1: Pecahan Penduduk Tuaran Tahun 1960	32
Carta Pai 2.2: Pecahan Penduduk Tuaran Tahun 1970	33
Carta Pai 2.3: Pecahan Penduduk Tuaran Tahun 1980	34

SENARAI GAMBARAJAH

Perkara	Halaman
Rajah 1.1: Peta Daerah Tuaran	13
Rajah 2.1: Peta Borneo Utara semasa SBBUB	18
Rajah 2.2: Sir Stamford Raffles	21
Rajah 2.3: Pekan Tuaran Sebelum 1881	22
Rajah 2.4: Sungai Tuaran Semasa SBBUB	25
Rajah 2.5: Menara Jam Tuaran	27
Rajah 2.6: Rumah Kedai (Lama) Tuaran	27
Rajah 2.7: Pekan Tuaran 2009	28
Rajah 2.8: Dearah Tuaran	31
Rajah 3.1: Pengeboman Nagasaki	51
Rajah 3.2: Bangunan Urusetia Tuaran 1989	57
Rajah 4.1: Wanita Bajau Sedang menuai padi	63
Rajah 4.2: Wanita Dusun Sedang Menanam Padi Sawah	64
Rajah 4.3: Haiwan Peliharaan digunakan Untuk Membajak Sawah	65
Rajah 4.4: Masyarakat Bajau yang Menjalankan Aktiviti Perikanan	66
Rajah 4.5: Kawasan Perikanan Tuaran	67
Rajah 4.6: Jeti Sebagai Pelabuhan dan Tempat Pendaratan Ikan	68
Rajah 4.7: Pasar Ikan Pekan Tuaran kini	69
Rajah 4.8: Kerbau Sebagai Pengangkutan Utama Ke Tamu	73
Rajah 4.9: Perjalanan yang Jauh Sambil Membawa Barangan Jualan	73
Rajah 4.10: Tamu Sebagai Tempat Pertemuan	74
Rajah 4.11: Wanita Bajau Menjual 'Tudung Dulang' di Tamu	74
Rajah 5.1: Sekolah Vernakular di Tuaran pada Tahun 1950	80
Rajah 5.2: Yayasan Daerah Tuaran pada Tahun 1989	82
Rajah 5.3: Pusat Kesihatan Tuaran Tahun 1989	85
Rajah 5.4: Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Daerah Tuaran kini	86
Rajah 5.5: Rumah Palang Merah Daerah Tuaran kini	86
Rajah 5.6: Masjid Daerah Tuaran pada tahun 1989	88



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A :	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
LAMPIRAN B :	Rujukan Arkib I
LAMPIRAN C :	Rujukan Arkib II
LAMPIRAN D :	Rujukan Arkib III
LAMPIRAN E :	Rujukan Jabatan Perangkaan I
LAMPIRAN F :	Rujukan Jabatan Perangkaan II
LAMPIRAN G :	Rujukan Jabatan Perangkaan III
LAMPIRAN H :	Kedudukan Daerah Tuaran Mengikut <i>Google Earth</i> (2008)
LAMPIRAN I :	Kedudukan Daerah Tuaran Pandangan Daripada Laut China Selatan (2008)
LAMPIRAN J :	Pekan Tuaran (2008)
LAMPIRAN K :	Pekan Tamparuli (2008)
LAMPIRAN L :	Pekan Kiulu (2008)
LAMPIRAN M :	Kerja Lapangan Penyelidik di Sungai Tuaran
LAMPIRAN N :	Bersama Responden, Pn. Winnie S. Chee
LAMPIRAN O :	Bersama Responden, Hj. Basri Mohidin dan Isteri, Hjh. Siti Ramlah
LAMPIRAN P :	Bersama Responden, En. Rahman Noor
LAMPIRAN Q :	Bersama Responden, OKK. Anang bin Apong
	: Bersama Perponden, En. Hj. Haris bin Hj. Abu Bakar
LAMPIRAN R :	Kerja Lapangan Penyelidik di Urusetia Daerah Tuaran
	: Kerja Lapangan Penyelidik di Pejabat Pendidikan Cawangan Tuaran
LAMPIRAN S :	Kerja Lapangan Penyelidik di Majlis Daerah Tuaran
	: Kerja Lapangan Penyelidik di Jabatan Perangkaan Negeri Sabah
LAMPIRAN T :	Kerja Lapangan Penyelidik di Tamu Pekan Tuaran



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sabah merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian utara kepulauan Borneo yang mempunyai keluasan sekitar 73 620 kilometer persegi.¹ Dari sejarah awalnya, Sabah dibahagikan kepada dua pentadbiran iaitu di bahagian Pantai Barat dikuasai oleh Kesultanan Brunei dan di bahagian Pantai Timur pula berada di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu. Pada abad ke-16, Sabah dikatakan berada di bawah jajahan Kesultanan Brunei. Namun begitu, ianya tidak pernah diperintah sebagai satu unit politik dan Kesultanan Sulu juga dikatakan mempunyai hak ke atas Sabah. Overback dan Dent serta W. H Traecher telah mengadakan satu perjanjian penyerahan Sabah kepada mereka tersebut dengan bayaran sebanyak \$5 000 setahun kepada Sultan Sulu. Secara tidak langsung, keadaan ini telah menukar pemilikan Borneo Utara kepada hak milik orang British khasnya dan kerajaan British amnya.

Tuaran merupakan salah sebuah kawasan yang terletak di Pantai Barat Sabah. Daerah ini bersempadan dengan Kota Kinabalu, Kota Belud dan beberapa bahagian di Ranau. Perkembangan demi perkembangan yang berlaku telah membawa banyak perubahan kepada Tuaran yang akhirnya mewujudkan Tuaran yang ada pada hari ini. Tuaran juga merupakan satu daerah yang sememangnya perlu diberikan perhatian yang tinggi. Hal ini kerana potensinya yang luas untuk menjana kewangan negara khususnya Negeri Sabah. Sebagai contohnya, Tuaran mempunyai banyak tempat-tempat menarik yang sesuai untuk aktiviti pelancongan dan rekreasi luar. Oleh itu, sebagai asas yang

¹D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah: the Dynamic of Indigenous Society (2nd Edition)*, Kuala Lumpur: Univenrsiti Malaya Press, 2003, hlm. 1.

penting dalam setiap pembangunan dan kemajuan, hasil penyelidikan seperti ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran yang lebih teliti kepada masyarakat tempatan dan juga masyarakat luar yang dilihat sebagai tunjang penting kepada setiap permulaan yang berlaku di Daerah Tuaran.

1.2 Permasalahan Kajian

Tuaran merupakan sebuah daerah yang mengalami proses pembangunan yang pesat dalam aspek politik dan pentadbiran, ekonomi serta sosial masyarakatnya. Proses pembangunan dan perkembangan ini dapat dilihat dengan jelas secara berperingkat sejak pemerintahan awal Tuaran, semasa pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB), pendudukan Jepun, pemerintahan Koloni British dan seterusnya selepas penyertaan Borneo Utara dalam pembentukan Malaysia bersama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1963. Selepas penyertaannya dalam pembentukan Malaysia, Borneo Utara dikenali sebagai Sabah dan ianya kekal sehingga ke hari ini.

Kajian ini akan menjelaskan bentuk politik dan pentadbiran di Tuaran dari zaman pentadbiran awal, sewaktu pertadbiran SBBUB, semasa pendudukan Jepun, dan seterusnya semasa pemerintahan Koloni British iaitu pada tahun 1946 sehingga tahun 1963? Secara tidak langsung, huraian dan fakta yang akan diberikan sedikit sebanyak mampu menambahkan pengetahuan yang lebih dalam tentang perkembangan Tuaran kelak. Seterusnya kajian ini akan menganalisis apakah kesan ekonomi yang timbul akibat daripada perkembangan yang berlaku? Analisis ini meliputi perkembangan ekonomi yang jelas banyak berubah kesan dari perkembangan yang berlaku. Melalui persoalan ini, penyelidikan akan memperlihatkan kepentingan sektor ekonomi kepada perkembangan Tuaran dan seterusnya kepada masyarakat tempatannya. Bagaimanakah proses perkembangan yang berlaku mempengaruhi perubahan sosial masyarakat di Tuaran? Persoalan ini sangat penting dalam memperlihatkan peranan proses perkembangan yang berlaku di Tuaran terhadap perubahan sosial masyarakat tempatannya.



1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk tujuan menghuraikan tentang asal-usul dan proses perkembangan Daerah Tuaran tahun 1881 hingga 1963. Perkara ini melibatkan pemerintahan awal Kesultanan Brunei dan kesultanan Sulu, semasa pentadbiran SBBUB, semasa pendudukan Jepun dan seterusnya sewaktu pemerintahan Koloni British. Penyelidikan ini juga akan membincangkan kesan langsung yang berlaku kepada perubahan politik, ekonomi dan sosial masyarakat tempatannya akibat daripada perkembangan dan perubahannya. Penyelidikan ini juga merupakan usaha untuk menaikkan martabat Tuaran yang merupakan sebuah daerah yang berpotensi untuk dimajukan. Selain dapat memperkayakan hasil akademik, penyelidikan ini juga mampu memberikan kelainan yang jelas terutamanya dari sudut mengolah ayat dan mampu membawa pembaca kepada pemikiran yang lebih kritis. Secara tidak langsung, hal ini mampu menjana kepada buah fikiran yang lebih bermutu dan berkualiti pada masa yang akan datang.

1.4 Objektif Kajian

Untuk mencapai matlamat atau tujuan penyelidikan ini, beberapa objektif telah digariskan iaitu pertama, seperti membincangkan tentang asal-usul Tuaran. Objektif ini akan menjelaskan dengan lebih mendalam tentang asal-usul Tuaran, di mana Tuaran yang asal dan bagaimana Tuaran mendapat nama. Objektif yang kedua ialah menjelaskan perkembangan Tuaran dan seterusnya pengaruh kepada politik, ekonomi dan sosial. Melalui penyelidikan yang akan dijalankan, penyelidik akan menghuraikan dengan lebih terperinci tentang perubahan yang berlaku di Tuaran bermula sejak kewujudannya sewaktu Pemerintahan Brunei, semasa pentadbiran SBBUB, pendudukan Jepun, pemerintahan Koloni British sehingga tahun 1963. Objektif ketiga ialah untuk dijalankan juga untuk membuat penilaian terhadap perkembangan Tuaran dan kesannya terhadap masyarakat tempatan.



1.5 Kepentingan Kajian

Penulisan tentang perkembangan Negari Sabah merupakan antara hasil penulisan yang banyak menarik minat ramai sarjana. Terdapat hasil penulisan tentang negeri Sabah yang berjaya menjelaskan perubahan yang berlaku sejak pemerintahan Brunei dan Sulu, pentadbiran SBBUB, pendudukan Jepun, pemerintahan Koloni British dan seterusnya kepada penglibatan Sabah dalam penubuhan Negara Malaysia. Namun secara amnya, penulisan tentang asal-usul dan perkembangan khusus tentang Tuaran agak kurang dan tidak jelas. Oleh itu, penyelidikan ini adalah wajar untuk memberi ruang untuk memperkayakan sumber bacaan dan rujukan untuk masa yang akan datang.

Selain dapat memperbanyakkan kajian, penyelidikan ini juga mampu memberikan gambaran dan rujukan kepada generasi yang akan datang dalam usaha untuk meneruskan pengkajian yang lebih teratur dan sistematik. Hal ini juga penting sebagai usaha penghasikan karya-karya penyelidikan sejarah yang lebih bermutu yang berkualiti. Kesenambungan penyelidikan ini adalah amat digalakkan agar mampu memberikan pengupasan dan pengkajian yang lebih berkesan agar sejarah tempatan Tuaran ini tidak lapuk ditelan zaman. Penulisan ini juga mampu memperlihatkan perbezaan dan persamaan yang wujud di antara perkembangan skop yang telah dipilih dengan skop dan bidang kajian yang lain. Sebagai contohnya, perkembangan Tuaran ini dapat dibandingkan dengan perkembangan di daerah lain. Secara tidak langsung, perkara ini mampu menimbulkan pelbagai persoalan yang baru dan seterusnya membawa kepada idea-idea untuk menuliskan seterusnya.



1.6 Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan untuk menyelesaikan kajian ini ialah menggunakan prinsip sejarah sebagai asas kepada penyelidikan dan penulisan. Penyelidikan ini juga berasaskan kepada keadah kualitatif yang mementingkan kualiti sesuatu hasil terutamanya yang melibatkan fakta dan bahan sebagai isi utama penyelidikan. Oleh itu, penggunaan sumber primer dan sekunder wajar dilakukan dengan sebaiknya. Sumber primer merupakan sumber mentah yang berbentuk fail atau laporan asal seperti surat khabar lama, dokumen-kokumen asal, laporan-laporan bahagian, majalah-majalah lama dan sebagainya. Lazimnya, sumber primer ini tersiri daripada bahan-bahan yang belum dianalisis dan memerlukan pertafsiran yang sewajarnya untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Sumber primer ini boleh didapati dari Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara cawangan Sabah dan Muzium Negeri Sabah.

Sumber sekunder seperti buku, kertas pembentangan, dokumen kerajaan dan maklumat elektronik boleh didapati dari Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Pusat Sumber Sekolah Sains Sosial, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Daerah Tuaran, Pejabat Urusetia Daerah Tuaran, Majlis Daerah Tuaran dan lain-lain lagi. Antara contoh sumber sekunder yang doleh digunakan sebagai bahan rujukan ialah seperti buku-buku rujukan, latihan ilmilah, risalah-risalah rasmi kerajaan atau persatuan dan sebagainya. Sumber sekunder merupakan sumber kajian yang sangat penting kerana sumber ini bukan sahaja mampu memberikan banyak maklumat tambahan malah dapat memberikan idea-idea yang bernas dalam pengolahan ayat. Kaedah temubual juga penting untuk mendapatkan respon dan pendapat masyarakat terhadap perubahan akibat perkembangan di Tuaran. Melalui keadah ini sebahagian daripada populasi masyarakat tempatan Tuaran akan diambil sebagai responden kajian dan akan ditemubual bagi menganalisis kesan perkembangan dan perubahan yang berlaku. Selain itu, kaedah temubual juga digunakan sebagai salah satu langkah yang berkesan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan Tuaran. Temubual yang dilakukan kepada individu-individu yang mampu memberikan maklumat yang releven untuk dijadikan bahan kajian disamping kebenaran dan kesahihannya sebagai responden.



1.7 Sorotan Literatur

Penghasilan sebuah penulisan yang baik, penyelidikan dan pembacaan perlu dilakukan bagi mendapatkan gambaran awal tentang penulisan yang ingin dilakukan. Langkah ini juga penting sebagai rujukan dan latar belakang sebagai usaha untuk menghasilkan penulisan yang lebih berkualiti. Terdapat beberapa buah buku yang boleh dijadikan bahan rujukan asas kepada penyelidikan ini.

Secara asasnya penulisan yang dihasilkan oleh Cecilia Leong yang bertajuk *Sabah: The First 100 Years*² merupakan antara bahan rujukan yang sesuai untuk dijadikan bahan rujukan untuk penyelidikan ini. Penyelidikan ini menerangkan secara terperinci tentang penduduk, geografi serta cara hidup masyarakat pribumi di Sabah.³ Penyelidikan ini juga menerangkan tentang sistem pentadbiran pihak British di Borneo Utara dan juga menceritakan dengan lebih terperinci tentang pemberontakan yang berlaku di Sabah seperti Pemberontakan Mat Salleh dan Pemberontakan Rundum. Penyelidikan ini penting sebagai rujukan asas kerana ianya menjelaskan dengan terperinci tentang negeri Sabah dalam skop 100 tahun. Walau bagaimanapun terdapat kelemahan yang jelas terhadap penyelidikan ini iaitu penyelidikan ini hanya menjelaskan perkembangan negeri Sabah secara umum dan kurang memfokuskan kepada satu kawasan yang tertentu.

Selain itu penulisan Lee Yong Leng, *Sabah: Satu Kajian Geografi Tempatan*⁴ juga dapat membantu dalam mendapatkan fakta-fakta yang berkaitan dengan sejarah ekonomi tempatan Sabah. Penulisan ini juga menjelaskan dengan terperinci tentang penduduk Negeri Sabah dan pola petempatan yang wujud di kawasan bandar dan luar bandar di Negeri Sabah. Seterusnya, penulisan ini menerangkan tentang kegiatan penerokaan hutan di Sabah untuk tujuan pertanian. Melalui pembacaan, pelbagai maklumat berkenaan tentang perkembangan Negeri Sabah dapat digunakan sebagai

² Cecilia Leong, *Sabah: The First 100 Years*, Kuala Lumpur: Percetakan Nan Yang Muda Sdn.Bhd, 1982.

³ *Ibid.*, hlm. 45.

⁴ Lee Yong Leng, *Sabah: Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.



latar belakang kepada penulisan tentang perkembangan daerah-daerah yang terdapat di Sabah seperti Tuaran. Di samping itu, penyelidikan ini juga membincangkan kesan-kesan yang berlaku akibat perubahan kepada bentuk muka bumi dan seterusnya kepada masyarakat tempatannya. Kenpentingan penyelidikan ini adalah, ia menerangkan dengan panjang lebar tentang Negeri Sabah dan beberapa daerah yang tertentu. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini lebih berbentuk penyelidikan goegrafi dan ini merupakan salah satu kelemahan yang jelas tentang penyelidikan ini. Namun, fakta-fakta yang dihuraikan dalam penyelidikan ini secara langsung dapat membantu untuk menjelaskan perkembangan dan perubahan di Negeri Sabah khususnya Tuaran.

Hasil penyelidikan Sabihah Osman yang bertajuk *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881-1941*⁵ pula telah membincangkan secara mendalam tentang pentadbiran pribumi Sabah dalam masa pemerintahan SBBUB iaitu sepanjang tahun 1881 hingga tahun 1941. Penyelidikan ini menghuraikan satu-persatu berkenaan sistem politik pribumi Sabah sebelum pemerintahan SBBUB dan juga sistem pentadbiran tempatan semasa SBBUB. Penyelidikan ini menjelaskan tentang perubahan yang telah dibuat dan seterusnya memberi penerangan yang panjang lebar tentang sisten politik ini. Pelbagai jawatan telah diwujudkan seperti Pembantu Penolong Pegawai Daerah telah banyak memberikan peluang kepada masyarakat tempatan dalam usaha untuk membentuk sistem pentadbiran di kalangan masyarakat tempatan. Selain itu, penyelidikan ini secara langsung telah menghuraikan peranan Majlis Penasihat Ketua-Ketua Anak Negeri dan sumbangannya dalam pentadbiran tempatan. Penyelidikan ini juga telah memberi penerangan yang sangat mendalam tentang Pusat Pentadbiran Pribumi Bingkor yang banyak telah membawa kepada sistem pertadbiran pribumi yang lebih tersusun dan menyeluruh. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini bersifat menyeluruh tentang negeri Sabah dan hanya memfokuskan kepada kawasan-kawasan yang berkepentingan untuk dirujuk sebagai contoh yang sesuai. Namun, penyelidikan ini merupakan antara rujukan yang terbaik kerana ianya mengandungi fakta dan huraian yang penting terutamanya yang melibatkan pentadbiran pribumi semasa pentadbiran SBBUB di Borneo Utara.

⁵ Sabihah Osman, *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881 - 1941*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985.



Seterusnya, penulisan suntingan Mohammad Agus Yusoff yang bertajuk *Perkembangan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*⁶ merupakan penulisan yang mempunyai topik yang hampir sama. Hal ini dapat membantu dalam penulisan yang berkaitan dengan perkembangan dan seterusnya kepada perubahan yang berlaku di sesebuah daerah yang dikaji. Penyelidikan ini menjelaskan dengan panjang lebar tentang keadaan latar belakang masyarakat, politik, ekonomi dan sosial masyarakat Kelantan. Penyelidikan ini juga meghuraikan tentang pembangunan dan perubahan sosio-politik yang berlaku di Kelantan selepas 1990. Selain itu, penyelidikan ini juga memberi penekanan kepada srtuktur dan perubahan politik yang berlaku di Kelantan yang banyak mempengaruhi perkembangan dan perubahan yang berlaku. Melalui pembacaan yang dilakukan, secara tidak langsung penyelidikan ini mampu memberi sedikit sebanyak pengetahuan atau gambaran yang dapat membantu kelangsungan penulisan yang bakal dilakukan. Penyelidikan ini mempunyai topik perbincangan yang hampir sama dengan penyelidikan yang akan dijalankan. Oleh ini, penyelidikan ini sangat penting untuk memberi penerangan dengan lebih lanjut tentang penulisan yang berorientasikan bidang dan perbincangan yang hampir sama. Namun, kelemahan yang ketara terhadap penulisan ini ialah, ianya memfokuskan peranan politik secara langsung dalam perkembangan dan perubahan yang berlaku di Kelantan. Hal ini membezakan penyelidikan ini dengan penyelidikan yang bakal dijalankan.

Penyelidikan yang bertajuk *Sabah (North Borneo) Under The Rising Sun Government*⁷ tulisan Stephen R. Evans pula telah memberi gambaran yang teliti tentang keadaan negeri Sabah semasa pendudukan Jepun. Penyelidikan ini menjelaskan aktiviti orang Jepun di Tanah Melayu dan Borneo Utara dan seterusnya menjelaskan dengan lebih terperinci tentang ideologi ketenteraan dan objektif pendudukan Jepun di Asia Tenggara. Seterusnya, penyelidikan ini menceritakan bagaimana tentera Jepun masuk ke Borneo Utara dan pentadbiran Jepun semasa pendudukannya. Penyelidikan ini juga telah menjelaskan pemberontakan yang berlaku di Borneo Utara dan berjaya

⁶ Mohammad Agus Yusoff, *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995* Selangor: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995.

⁷ R. Evans, *Sabah (North Borneo) Under The Rising Sun Government*, Singapura: PLC Printeds (Pte) Ltd, 1990.



memberikan gambaran yang jelas tentang pengunduran Jepun dari Borneo Utara. Sebagai pelengkap kepada penyelidikan ini, penulis juga telah membincangkan tentang pendapat masyarakat terhadap pendudukan Jepun di Borneo Utara. Penyelidikan ini dilihat banyak memberikan maklumat kepada penyelidikan tentang perkembangan Tuaran terutamanya tentang pendudukan Jepun. Ianya banyak membantu dalam memberi gambaran yang jelas untuk menghuraikan fakta yang berkaitan dengan pendudukan Jepun di Tuaran. Dengan adanya penyelidikan ini, penghuraian fakta dan maklumat akan berjalan dengan lancar terutamanya yang berkaitan dengan kegiatan Jepun di Tuaran sepanjang tempoh pendudukannya di Borneo Utara.

Menurut penyelidikan yang telah disunting oleh Mohd Yusof Kasim dan Sabihah Osman yang bertajuk *Sabah dan Sarawak Dalam Arus Globalisasi*⁸ menyentuh tentang aspek-aspek seperti peranan pemerintah, kerjasama serantau, kesan terhadap masyarakat pribumi dan globalisasi sosio-budaya yang wujud di Sabah dan Sarawak. Melalui pembacaan dan analisis yang dilakukan dapat membantu untuk menjana idea-idea yang berkaitan dengan perkembangan daerah Tuaran dan seterusnya mampu memberikan kesinambungan yang lebih sempurna kepada penulisan yang bakal dihasilkan. Penyelidikan ini juga menimbulkan persoalan melalui hasil penyelidikan yang telah dilakukan seperti pencapaian, perhubungan dengan dunia luar, kesan pembangunan, politik, ekonomi, sosial dan cabaran-cabaran yang bakal dilalui untuk mencapai perubahan yang dirancang. Penyelidikan ini sangat penting dalam membincangkan tentang perubahan yang berlaku khususnya di negeri Sabah. Walaupun penulisanya bersifat menyeluruh, namun sedikit sebanyak penulisan ini akan memberi idea-idea dan fakta-fakta yang sahih untuk memastikan kelansungan penyelidikan yang bakal dijalankan.

Penyelidikan yang berjudul *Tun Mustapha dan Pembangunan Sabah* suntingan Abdul Hadi Harman Shah⁹ juga sangat berguna sebagai bahan rujukan tentang penulisan yang berkaitan tentang perkembangan Tuaran. Penyelidikan ini menceritakan

⁸ Mohd Yusof Kasim & Sabihah Osman, *et.al*, *Sabah dan Sarawak dalam Arus Globalisasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

⁹ Abdul Hadi Harman Shah, *Tun Mustapha dan Pembangunan Sabah*, Sabah: Yayasan Sabah, 2003.



secara terperinci tentang latar belakang Tun Mustapha yang merupakan pemimpin yang bertanggungjawab dalam usaha pembangunan dan perubahan yang berlaku di Sabah. Seterusnya, penyelidikan ini menjelaskan visi Tun Mustapha tentang pembangunan Sabah yang mempengaruhi semua aspek pembangunan yang melibatkan kemudahan infrastruktur, sekolah, perkhidmatan dan lain-lain lagi. Kepentingan yang jelas dalam penyelidikan ini adalah ianya membincangkan tentang perubahan yang berlaku akibat dasar pemerintahan yang difokuskan kepada Tun Mustapha. Tun Mustapha merupakan individu yang bertanggungjawab dalam usaha membawa perubahan melalui perkembangan dan dasar-dasar yang dijalankan oleh beliau. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini bersifat bibliografi yang memfokuskan seseorang tokoh dalam penulisan. Hal ini merupakan kelemahan yang nyata dalam penyelidikan ini di mana tidak semua huraian dan penjelasannya boleh digunapakai kerana ianya mempunyai unsur-unsur penilaian moral daripada penulisnya.

Dalam membincangkan tentang perkembangan sesebuah negeri khususnya negeri Sabah, penyelidikan D. S. Ranjit Singh yang berjudul *The History of Sabah 1865-1941: The Dynamic of Indigenous Society*¹⁰ merupakan sebuah bahan rujukan yang harus diberikan perhatian. Penyelidikan ini menerangkan dengan terperinci tentang perkembangan yang berlaku di Borneo Utara bermula sejak pemerintahan Kesultanan Brunei dan Sulu, semasa pentadbiran SBBUB, sehingga penyertaannya dalam penubuhan Malaysia. Penyelidikan ini juga menjelaskan sistem pentadbiran yang wujud di Sabah dan kesan akibat daripada perubahan yang berlaku. Penyelidikan ini mempunyai kepentingan yang sangat tinggi kerana hasil penulisannya yang bersifat menyeluruh. Penyelidikan ini benar-benar menjelaskan perkembangan dan perubahan yang berlaku di negeri Sabah semasa pemerintahan Kesultanan Brunei dan Sulu, sewaktu pentadbiran SBBUB seterusnya memberi penerangan yang panjang lebar tentang penglibatan Sabah dalam membentuk Malaysia. Penyelidikan ini juga sangat membantu untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan perkembangan dan perubahan negeri Sabah. Walau bagaimanapun, terdapat

¹⁰D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah: the Dynamic of Indigenous Society (2nd Edition)*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2003.

BIBLIOGRAFI

A. Sumber Primer

1. Fail-Fail Arkib

Gambar Bangunan/Tempat Bersejarah Daerah Tambunan, Kota Belud dan Tuaran, Docket 6.

Tuaran. Docket No.33 – Asal Usul nama Tuaran.

Tuaran. Docket No.33 – Jabatan Pertanian Tuaran.

Tuaran. Docket No.33 – Jabatan Perikanan Tuaran.

Tuaran. Docket No.33 – Jabatan Telekom.

Tuaran. Docket No.33 – Lembaga Tabung Getah.

Tuaran. Docket No.33 – Pejabat Daerah Tuaran.

Tuaran. Docket No.33 – Peristiwa 10/10/1943 di Tuaran.

Tuaran. Docket No.33 – Pusat Kesihatan Tuaran.

Tuaran. Docket No.33 – Sejarah Ringkas Dearah Tuaran.

Tuaran. Docket No.33 – Sejarah Ringkas Jabatan Perubatan Tuaran.

Tuaran. Docket No.33 – Tempat Mulanya Pekan Tuaran.

Tuaran. Docket No.33 – Tuaran.

Tuaran. Docket No.33 – Yayasan Sabah Tuaran.

Tuaran. Docket No.33 – Zaman Jepun.

2. Rekod Kerajaan Yang Tidak Diterbitkan

Data dan Maklumat Daerah Tuaran. 2008, Tuaran : Urusetia Dearah Tuaran.

Profil Daerah Tuaran. 2008. Tuaran : Perpustakaan Cawangan Tuaran.

3. Laporan Kerajaan

Siaran Perangkaan Tahunan Bagi Sabah. 1969. Jabatan Perangkaan Malaysia, 5 – 20.

Siaran Perangkaan Tahunan Bagi Sabah. 1979. Jabatan Perangkaan Malaysia, 7 – 33.

Siaran Perangkaan Tahunan Bagi Sabah. 1989. Jabatan Perangkaan Malaysia, 13 – 17.

B. Sumber Sekunder

1. Buku

A. Latiff, H. M. Dahlan. Hairi Abdullah. 1982. *Kajian Etnografi Sabah*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Hadi Harman Shah. 2003. *Tun Mustapha dan Pembangunan Sabah*. Kota Kinabalu : Yayasan Sabah.

Azmah Abdul Latif. 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors.

Wurtzburg, C. E. 1954. *Raffles of the Eastern Isles*. London : Hodder and Stoughton.

Cecilia Leong. 1982. *Sabah : The Frist 100 Years*. Kuala Lumpur : Percetakan Nan Yang Muda Sdn. Bhd.

Cecilia Leong & Anwar Sullivan. 1981. *Commemorative History of Sabah*. Kuala Lumpur : Percetakan Nan Yang Muda Sdn. Bhd.

Chong Han San & Low Ai Fuah. 2008. *The Tamu – Sabah's Native Market*. Kota Kinabalu : Opus Publication.



- Ranjit Singh, D. S. 2003. *The Making of Sabah : the Dynamic of Indigenous Society (2nd Edition)*. Kuala Lumpur : Univenrsiti Malaya Press.
- Graham W. Irwin. (terj. Noraini Ismail. Mohd. Nor Ghani). 1986. *Borneo abad kesembilan belas*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hamdan bin Aziz. 2005. *Parti Politik USNO dan Berjaya di Sabah 1961-1996*. Sabah : Universiti Malaysia Sabah.
- Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman. 1998. *et.al. Sejarah dan Proses Pemantapan Negara-Bangsa : Prosiding Kongres Sejarah Malaysia Kedua*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Padasian, Johan M. 1981. *et.al. Sejarah Sabah Dalam Gambar*. Kuala Lumpur : Eagle Printing.
- Rita Lasimbang & Stella Tan. 1997. *et. al. An Introduction To The Tradisional Costumes of Sabah*. Kota Kinabalu : Natural History Publications.
- Lee Yong Leng, 1982, *Sabah: Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pusaka.
- Mohd Ariff bin Dato' Hj. Othman. 1988. *Tuntutan Sabah Terhadap Sabah : Implikasi dari Segi Serajah, Undang-undang Dan Politik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Agus Yusoff, 1995. *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*. Selangor : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof Kasim & Sabihah Osman. 2002. *et.al. Sabah dan Sarawak dalam Arus Globalisasi*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Nor bin Long. 1978. *Perkembangan Pelajaran di Sabah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Muhiddin Yusin. 1990. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nandy, M. 1993. *The Story of Japanese Soldiers in Our Country (Dec 1941 – Aug 1945)*. Perak : Penerbit Sanmin Sdn. Bhd.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2001. *Tuntutan Filipina Keatas Borneo Utara*. Bangi : Penerbit Universiti.
- R, Evans. 1990. *Sabah (North Borneo) Under The Rising Sun Government*. Singapura : PLC Printeds (Pte) Ltd.



- Rimmer, T. 1999. *The Tamparuli Tamu – A Sabah Market*. Kota Kinabalu : The Sabah Society.
- Rutter, Owen. 2008. *British North Borneo : an Account of its History, Resources and Native Tribes*. Kota Kinabalu : Opus Publication.
- Sabihah Osman. 1985. *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881 – 1941*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tanpa Penulis. 2002. *Sejarah Perkembangan Gereja Katolik Tuaran*. Silver Jubilee of the Diocese of Kota Kinabalu.
- Tregoning, K. G. 2007. *Under Chartered Company Rule : North Borneo 1881 – 1946*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya Press.
- Siti Aidah Hj. Lokin. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pertadbiran Masyarakat Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu : Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Wadley, R. L. 2005. *History of The Borneo Environment : Economic, Political dan Social Dimensions of Change and Continuity*. Kota Kinabalu : KITLV Press.
- Wolley, G. C. (ed.). 2006. *Tuaran Adat : Some Customs of Dusun's of Tuaran West Coast Residency North Borneo*. Kota Kinabalu : Natural Society Publication.

2. Tesis / Latihan Ilmiah

- Jainudin Malik. 1991. *Sejarah Orang-Orang Bajau Sabah: Abad ke19*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya. Jabatan Sejarah.
- James Eng. 1991. *Pendudukan Jepun di Sabah (North Borneo) 1942-45*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya. Jabatan Sejarah.
- Hanny Voon. 2006. *Sejarah Daerah Kudat 1881-1963*. Kota Kinabalu : Malaysia Sabah. Sekolah Sains Sosial. Universiti
- Wilna binti Datu Amir Husin. 2003. *Tinjauan Hubungan Tradisi Kesultanan Sulu dengan Borneo Utara (Sabah) Tahun 1704 hingga 1878*. Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah. Sekolah Sains Sosial.



C. Temuramah

- Arjin bin Bidin. 55 tahun. Kampung Kindu, Tuaran. Ketua Kampung Kindu. Perkembangan Sosio-ekonomi penduduk Tuaran selepas Merdeka. 02 April 2009.
- Basri bin Mohidin. 73 tahun. Kampung Serusup, Tuaran. Ketua Kampung Serusup. Sosio-ekonomi penduduk Tempatan pada Zaman Penjajah. 26 Mac 2009.
- Haris bin Abu Bakar. 74 tahun. Kampung Bunga, Tuaran. Penduduk Asal Kampung Bunga. Sosio-ekonomi penduduk Tempatan pada Zaman Penjajah dan Jepun di Tuaran. 02 April 2009.
- Rahman Noor, 52 tahun, . Kampung Serusop, Tuaran. JKK Kampung Serusop. Perkembangan Sosio-ekonomi penduduk Tuaran selepas Merdeka. 26 Mac 2009.
- Siti Ramlah binti Kawi. 68 tahun. Kampung Serusup, Tuaran. Isteri Ketua Kampung Serusup. Sosio-ekonomi penduduk Tempatan pada Zaman Penjajah. 26 Mac 2009.
- Winnie S. Chee. 40 tahun. Urusetia Daerah Tuaran. Penolong Pegawai Penyelidik. Latar Belakang dan Perkembangan Daerah Tuaran. 26 Febuari 2009.